



AMALAN PEMBELAJARAN TAHFIZ AL-QURAN DI SEKOLAH-SEKOLAH
MENENGAH AGAMA NEGERI PERAK (SMAN)

MOHD KHAIRUL NAIM BIN SAMERI



TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN ISLAM
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti amalan pembelajaran tahfiz al-Quran dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama Negeri Perak (SMAN). Sampel bagi kajian ini terdiri daripada 311 orang pelajar dari tiga buah (SMAN) Perak. Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan yang menggunakan instrumen soal selidik kepada pelajar. Data yang diperolehi melalui soal selidik ini dianalisis menggunakan Statistical Package for Sosial Sciences (SPSS) versi 23.0 untuk mendapatkan kekerapan, peratus, min, ujian $-t$, ANOVA dan ujian Kolerasi Pearson. Pengumpulan data maklumat kajian diperolehi melalui soal selidik dan dianalisis secara kuantitatif. Dapatan kajian menunjukkan amalan pembelajaran tahfiz al-Quran secara keseluruhannya berada pada tahap yang tinggi (min = 4.49, sp = 0.534) dan tahap pencapaian hafazan al-Quran turut berada pada tahap yang tinggi, (min = 4.01, sp = 0.661). Ujian $-t$ pula menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi amalan pembelajaran tahfiz berdasarkan jantina ($p=0.862$, $p>0.05$). Manakala bagi pekerjaan ibu bapa, pendapatan ibu bapa dan kelayakan akademik (UPSR) pelajar terdapat perbezaan yang signifikan ($p=0.000$, $p < 0.05$). Dapatan kajian terhadap pencapaian hafazan berdasarkan demografi pula menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan jantina ($p=0.988$, $p>0.05$), pekerjaan ibu bapa ($p=0.557$, $p>0.05$) dan pendapatan ibu bapa ($p=0.322$, $p>0.05$). Manakala bagi kelayakan akademik (UPSR) pelajar terdapat perbezaan yang signifikan ($p=0.001$, $p<0.05$). Ujian kolerasi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara amalan pembelajaran tahfiz al-Quran dengan pencapaian hafazan pelajar di tiga buah (SMAN) Perak, iaitu ($r=0.689$, $p<0.023$). Kajian ini menunjukkan secara keseluruhannya amalan pembelajaran tahfiz al-Quran yang diamalkan oleh pelajar berada pada tahap yang baik (min = 4.49, sp = 0.534). Manakala pencapaian hafazan pelajar juga turut berada pada tahap yang baik (min = 4.01, sp = 0.661). Namun masih terdapat beberapa aspek yang perlu dipertingkatkan seperti aspek kefahaman ayat hafazan. Didapati pelajar menghafaz ayat hafazan tanpa memahami makna ayat tersebut. Implikasi kajian ini telah menunjukkan amalan pembelajaran tahfiz al - Quran dan pencapaian hafazan di kalangan pelajar-pelajar (SMAN) Perak yang mengambil kurikulum tahfiz al Quran. Kesimpulannya, hasil kajian ini boleh dijadikan rujukan kepada pihak sekolah dan pelajar yang mengambil kurikulum tahfiz al-Quran dan akademik arus perdana secara serentak untuk memastikan amalan dan tahap pencapaian hafazan dapat dilaksanakan dengan betul dan sempurna.





LEARNING PRACTICES OF TAHFIZ AL-QURAN IN PERAK ISLAMIC RELIGIOUS SECONDARY SCHOOLS (SMAN)

ABSTRACT

This research was conducted to identify the practice of tahfiz al-Quran learning among students of Perak State Islamic Secondary School (SMAN). The samples of this research were 311 students from three Perak State Islamic Secondary Schools (SMAN). This research was an observational study that utilized questionnaire for the students as the instrument. Data gathered from the questionnaire was analyzed using Statistical Package for Sosial Sciences (SPSS) version 23.0 to obtain the frequency, percentage, mean, T-Test, ANOVA and Pearson Correlation Test. The research data collection was acquired from the questionnaire and it was analysed quantitatively. The research finding showed that the practice of tahfiz al-Quran on a whole was at a high level (mean = 4.49, sp = 0.534) and the level of attainment in the memorization of al-Quran was also at a high level (mean = 4.01, sp = 0.661). T-Test did not show any significant difference for the practice of tahfiz learning based on gender ($p=0.862$, $p>0.05$). On the other hand, there were significant differences ($p=0.000$, $p<0.05$) in terms of parents' occupation, parents' income and students' academic qualification (UPSR). The research findings on the achievement of memorization based on demography showed that there was no significant difference in terms of gender ($p=0.988$, $p>0.05$), parents' occupation ($p=0.557$, $p>0.05$) and parents' income ($p=0.322$, $p>0.05$). Meanwhile, there was a significant difference in terms of academic qualification (UPSR). Correlation test showed that there was a significant relationship between the practice of tahfiz al-Quran learning and the achievement of student's memorization in all three Perak State Islamic Secondary Schools (SMAN) ($r=0.689$, $p<0.023$). This research showed that the practice of tahfiz al-Quran learning followed by the students was at a very good phase, in which (mean = 4.49, sp = 0.534). In the mean time, students' achievement in memorization was also at a good stage, with (mean = 4.01, sp = 0.661). However, there are still several aspects that need to be improved such as the aspect of understanding memorized verses. It was found that students memorized the verses without understanding its meaning. The implication of this research had shown the practice of tahfiz al-Quran learning and students' achievement in memorization among students of Perak State Islamic Secondary Schools (SMAN) who underwent the tahfiz Al-Quran curriculum. The results of this research can be regarded as a point of reference for schools and students who go through both tahfiz Al-Quran and mainstream academic curriculum concurrently in order to ensure the practice and level of competency in memorization can be implemented correctly and impeccably.





KANDUNGAN

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii
SENARAI ISTILAH	xx
SENARAI LAMPIRAN	xi
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.2.1 Latar Belakang Sejarah Hafazan Al-Quran	4
1.2.2 Latar Belakang Hafazan Al-Quran di Malaysia	8
1.2.3 Latar Belakang Pendidikan Islam di Negeri Perak	11
1.2.4 Latar Belakang Hafazan Al-Quran di Negeri Perak	14
1.2.5 Latar Belakang Hafazan al-Quran di Sekolah-sekolah Menengah Agama Negeri Perak (SMAN)	16





1.3	Pernyataan Masaalah	17
1.4	Objektif Kajian	21
1.5	Soalan Kajian	22
1.6	Hipotesis Kajian	23
1.7	Kerangka Konseptual Kajian	25
1.8	Kepentingan Kajian	27
1.9	Batasan Kajian	29
1.10	Definisi Operasional Kajian	30
10.1	Amalan	30
10.2	Pembelajaran	31
10.3	Amalan Pembelajaran	32
10.4	Tahfiz Al-Quran	32
10.5	Sekolah-sekolah Menengah Agama Negeri Perak (SMAN)	33
1.11	Penutup	34

BAB 2 ULASAN KEPUSTAKAAN

2.1	Pendahuluan	36
2.2	Amalan Pembelajaran	37
2.3	Pendidikan Tahfiz Al-Quran	38
2.3.1	Sejarah Pendidikan Tahfiz Zaman Rasulullah S.A.W	38
2.3.2	Selepas Zaman Rasulullah S.A.W	42





2.3.3 Pendidikan Tahfiz di Malaysia	45
2.3.4 Konsep Pendidikan Tahfiz Al-Quran	49
2.3.5 Teori Kajian Tahfiz Al-Qabisi (1995)	72
2.4 Pendidikan Tahfiz Al-Quran Di Perak	81
2.4.1 Sejarah Pendidikan Tahfiz Di Negeri Perak	81
2.4.2 Sejarah Pendidikan Tahfiz di Sekolah-sekolah Menengah Agama Negeri Perak (SMAN)	83
2.4.3 Kandungan Kurikulum Tahfiz (SMAN) Perak	83
2.4.4 Panduan Hafazan (SMAN) Perak	85
2.4.5 Penilaian Hafazan Al-Quran	114
2.5 Kajian Berkaitan	117
2.5.1 Tahfiz Al-Quran	117
2.6 Penutup	127



BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan	128
3.2 Rekabentuk Kajian	129
3.3 Lokasi Kajian	130
3.4 Populasi Kajian	131
3.5 Sampel dan Kaedah Persampelan	132
3.6 Instrumen Kajian	133
3.6.1 Soal selidik Pelajar	134
3.7 Kesahan Instrumen Kajian	137





3.8	Kajian Rintis	139
3.9	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	140
3.10	Pengumpulan Soal Selidik	143
3.10.1	Pengumupulan Soal Selidik Pelajar	144
3.11	Tatacara Analisa Data	144
3.11.1	Analisis Data Kuantitatif	145
3.11.2	Analisis Inferensi	146
3.12	Penutup	147

BAB 4 ANALISIS DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	149
4.2	Profil Sampel	151
4.2.1	Latar Belakang Demografi	151
4.3	Analisis Deskriptif	156
4.3.1	Amalan Pembelajaran Tahfiz Al-Quran	156
4.3.1.1	Strategi Pembelajaran Tahfiz Al-Quran	157
4.3.1.2	Kaedah Pembelajaran Tahfiz Al-Quran	160
4.3.1.3	Teknik Pembelajaran Tahfiz Al-Quran	163
4.3.1.4	Aktiviti Pembelajaran Al-Quran	166
4.3.1.5	Adab Pembelajaran Al-Quran	168
4.3.2	Tahap Pencapaian Hafazan Pelajar	171
4.3.2.1	Kelancaran Hafazan Pelajar	171
4.3.2.2	Tajwid Hafazan Pelajar	173





4.3.2.3 Kefahaman Hafazan Pelajar	174
4.4 Analisis Perbezaan	176
4.4.1 Perbezaan Amalan Pembelajaran Tahfiz Al-Quran Berdasarkan Latar Belakang Demografi	177
4.4.1.1 Perbezaan Amalan Pembelajaran Tahfiz Al-Quran Berdasarkan Jantina	177
4.4.1.2 Perbezaan Amalan Pembelajaran Tahfiz Al-Quran Berdasarkan Pekerjaan Ibu Bapa	179
4.4.1.3 Perbezaan Amalan Pembelajaran Tahfiz Al-Quran Berdasarkan Pendapatan Ibu Bapa	181
4.4.1.4 Perbezaan Amalan Pembelajaran Tahfiz Al-Quran Berdasarkan Kelayakan Kemasukan Tahfiz (UPSR)	182
4.4.2 Perbezaan Pencapaian Hafazan Pelajar Berdasarkan Latar Belakang Demografi	184
4.4.2.1 Perbezaan Pencapaian Hafazan Pelajar Berdasarkan Jantina	185
4.4.2.2 Perbezaan Pencapaian Hafazan Pelajar Berdasarkan Pekerjaan Ibu Bapa	187
4.4.2.3 Perbezaan Pencapaian Hafazan Pelajar Berdasarkan Pendapatan Ibu Bapa	188
4.4.2.4 Perbezaan Pencapaian Hafazan Pelajar Berdasarkan Kelayakan Kemasukan Tahfiz (UPSR)	189
4.5 Analisis Hubungan	192
4.6 Penutup	194



**BAB 5 PERBINCANGAN DAN CADANGAN**

5.1	Pendahuluan	196
5.2	Ringkasan Kajian	197
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	201
5.3.1	Perbincangan Amalan Pembelajaran Tahfiz Al-Quran	202
5.3.2	Perbincangan Pencapaian Hafazan Al-Quran	211
5.3.3	Perbincangan Perbezaan Amalan Pembelajaran Tahfiz Berdasarkan Latar Belakang Demografi	215
5.3.4	Perbezaan Pencapaian Hafazan Pelajar Berdasarkan Latar Belakang Demografi	219
5.4	Analisis Hubungan	224
5.5	Kesimpulan Dapatan Kajian	225
5.5.1	Rumusan Amalan Pembelajaran	226
5.5.2	Rumusan Pencapaian Hafazan	231
5.5.3	Rumusan Hubungan Antara Amalan Pembelajaran dan Pencapaian Hafazan	233
5.6	Implikasi Kajian	234
5.7	Implikasi Terhadap Amalan Pembelajaran	235
5.8	Implikasi Terhadap Pencapaian Hafazan	240
5.9	Cadangan	242
5.9.1	Cadangan Kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	243
5.9.2	Cadangan Kepada Kerajaan Negeri Perak	245
5.9.3	Cadangan Kepada Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK)	246





5.9.4 Cadaangan Penyelidikan Lanjutan	246
5.10 Penutup	248
RUJUKAN	250
LAMPIRAN	



**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Kandungan Kurikulum Tahfiz SMAN Perak	84
3.1	Konstruk-konstruk Dari Model Pengajaran Dan Pembelajaran Al-Qabisi (1995)	134
3.2	Skala Liket Lima Mata Dan Interpretasi	136
3.3	Panel Rujukan Pakar	138
3.4	Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan	141
3.5	Analisis Secara Kebolehpercayaan	142
3.6	Interpretasi Min Dimensi Tingkah Laku Afektif	146
3.7	Pekali Kolerasi Melalui Kekuatan Hubungan	147
4.1	Ringkasan Taburan Sampel	152
4.2	Profil Sampel Mengikut Nama Sekolah/Institusi	153
4.3	Profil Sampel Mengikut Jantina	153
4.4	Profil Sampel Mengikut Pekerjaan Ibu Bapa	154
4.5	Profil Sampel Mengikut Pendapatan Ibu Bapa	155
4.6	Profil Sampel Mengikut Kelayakan Berdasarkan Akademik (UPSR)	155
4.7	Strategi Pembelajaran Tahfiz Al-Quran	157
4.8	Kaedah Pembelajaran Tahfiz Al-Quran	160
4.9	Teknik Pembelajaran Tahfiz Al-Quran	163
4.10	Aktiviti Pembelajaran Tahfiz Al-Quran	166





4.11	Adab pembelajaran Tahfiz Al-Quran	168
4.12	Perbandingan Min Amalan Pembelajaran Tahfiz Al-Quran	170
4.13	Kelancaran Hafazan Pelajar	171
4.14	Tajwid Hafazan Pelajar	173
4.15	Kefahaman Hafazan Pelajar	174
4.16	Perbandingan Min Pencapaian Hafazan Pelajar	176
4.17	Hasil Analisis Perbezaan Amalan Pembelajaran Tahfiz Al-Quran Berdasarkan Jantina	178
4.18	Hasil Analisis Perbezaan Amalan Pembelajaran Tahfiz Al-Quran Berdasarkan Pekerjaan Ibu Bapa	180
4.19	Hasil Analisis Perbezaan Amalan Pembelajaran Tahfiz Al-Quran Berdasarkan Pendapatan Ibu Bapa	181
4.20	Hasil Analisis Perbezaan Amalan Pembelajaran Tahfiz Al-Quran Berdasarkan Kelayakan Kemasukan Tahfiz (UPSR)	183
4.21	Ujian Post-Hoc Scheffe Perbezaan Bagi Amalan Pembelajaran Tahfiz Berdasarkan Kelayakan Kemasukan Tahfiz (UPSR)	184
4.22	Hasil Analisis Ujian t Bebas Perbezaan Pencapaian Hafzan Pelajar Berdasarkan Jantina	185
4.23	Hasil Analisis Perbezaan Pencapaian Hafazan Berdasarkan Pekerjaan Ibu Bapa	187
4.24	Hasil Analisis Perbezaan Pencapaian Hafazan Pelajar Berdasarkan Pendapatan Ibu Bapa	189
4.25	Hasil Analisis Perbezaan Pencapaian Hafazan Pelajar Berdasarkan Kelayakan Kemasukan Tahfiz (UPSR)	190
4.26	Ujian Post-hoc Scheffe Perbezaan Bagi Amalan Pembelajaran Tahfiz Berdasarkan Kelayakan Tahfiz (UPSR)	191





4.27

Hasil Analisis Korelasi Pearson Antara Amalan
Pembelajaran Tahfiz Al-Quran Dengan Pencapaian
Hafazan Pelajar

193





SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Teori Kajian Tahfiz Al-Qabisi (1955) yang diubahsuai oleh Azmil Hashim (2010)	26
1.2	Kerangka Konseptual Kajian Yang Telah Di ubahsuai daripada model pendidikan tahfiz Azmil Hashim (2010)	27



**SENARAI SINGKATAN**

ABH	Alat bantu hafazan
ADDIN	Yayasan Pendidikan Maahad Tahfiz al Quran
DQ	Darul Quran
DPTN	Dasar Pendidikan Tahfiz Negara
ICT	<i>Information and Communication Technology</i>
IKRAM	Pertubuhan ikram Malaysia
INDAH	Institut Dakwah dan Latihan Islam
INTIM	Institut Tadbir Islam Perak
ISMA	Ikatan Muslim Malaysia
ITM	Institut Teknologi Mara
JAIPK	Jabatan Agama Islam Perak
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
KBT	Kurikulum Bersepadu Tahfiz
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MTQDT	Madrasah Tahfiz Al-Quran Darul Ta'lim Kampung Tengah Kluang
MTQN	Maahad Tahfiz Quran Negeri
MTQ	Maahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat
NGO	<i>Non-Governmental Organisation</i>
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran





SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SAR	Sekolah Agama Rakyat
SAW	<i>Sallallahualaihiwasallam</i>
SARJANA	Sekolah Menengah Raja Dr. Nazrin Shah
SERATA	Sekolah Raja Perempuan Ta'ayah
SIS	Sekolah Izzudin Shah
SMAN	Sekolah-sekolah Agama Kerajaan Negeri
SMTDR	Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	<i>Statistical Package for Social Sciences Version</i>
SWT	<i>Allah Subhanahu wataala</i>
UITM	Universiti Teknologi Mara
UPSR	Ujian Penilaian Rendah Sekolah
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
VR	<i>Vitual reality</i>





SENARAI ISTILAH

<i>Asbab nuzul</i>	Sebab penurunan ayat al-Quran
<i>Da'i</i>	Pendakwah
<i>Du'at</i>	Pendakwah-pendakwah
<i>Huffaz</i>	Para penghafaz al-Quran
<i>I'adah</i>	Mengulang hafazan al-Quran
<i>Istirja'</i>	Merujuk ayat-ayat al-Quran yang dihafaz
<i>Istizhar</i>	Membaca ayat-ayat al-Quran yang dihafaz dengan lancar
<i>Makruhah</i>	Perkara-perkara makruh
<i>Muraja'ah</i>	Mengulangkaji ayat-ayat yang telah dihafaz
<i>Musyafahah</i>	Pelajar mendengar sebutan guru dengan melihat pergerakan bibir guru dan menyebutnya
<i>Mutasyabihat</i>	Ayat-ayat al-Quran yang hampir serupa
<i>Qurra'</i>	Ilmuan dalam bidang bacaan al-Quran dan ilmu <i>qira'at</i>
<i>Rubu'</i>	Pembahagian ayat di dalam al-Quran
<i>Syafawi</i>	Ujian secara lisan
<i>Tadarus</i>	Membaca al-Quran secara berkumpulan untuk menyemak hafazan
<i>Tahriri</i>	Ujian secara bertulis
<i>Talaqqi</i>	Pertemuan bersemuka dengan guru memberikan contoh bacaan dan pelajar mengikut bacaan guru
<i>Takrar</i>	Membaca al-Quran secara berulang-ulang kali sehingga terhafaz
<i>Tasmi'</i>	Menyemak bacaan al-Quran dan hafazan al-Quran





SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Soal Selidik
- B Surat Pengesahan Pelajar Untuk Membuat Penyelidikan
- C Surat Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Al-Quran merupakan mukjizat yang teragung di dalam kehidupan umat manusia yang beriman dengan Allah S.W.T. Selain itu, al-Quran juga merupakan pusaka peninggalan Rasulullah S.A.W. Ia juga adalah merupakan mukjizat terbesar yang telah Allah S.W.T anugerahkan kepada Nabi Muhammad S.A.W sebagai panduan serta diamanahkan kepada manusia agar dapat mempelajarinya, menghayati seterusnya mempratikkannya segala yang terkandung di dalamnya. Sesungguhnya al-Quran yang mengandungi lebih 6000 ayat dalam 114 surah merupakan panduan dan petunjuk kepada manusia sebagaimana firman Allah S.W.T dalam surah *Al-Baqarah* ayat 1-2:





أَلَمْ ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ

Maksud: “Alif, laam, miim” “kitab Al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwa”.

(Surah al-Baqarah 1: 1-2)

Di samping itu, pelaksanaan nilai-nilai al-Quran adalah amat penting di dalam kehidupan umat islam. Manakala tujuan pendidikan al-Quran pula adalah bermatlamat untuk mewujudkan tamadun serta membentuk masyarakat yang baik, telus, berkasih sayang, amanah, persaudaraan, masyarakat yang bertolak ansur, bertanggungjawab, berfikiran rasional, demokrasi, tidak zalim, dan masyarakat yang berpaksikan dengan ajaran dan panduan al-Quran (Ahmad Mohd. Salleh, 1997:15). Az-Zarqani (1988) mendefinisikan bahawa al-Quran ialah kitab Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W melalui malaikat Jibrail dalam Bahasa Arab. Membacanya menjadi suatu ibadah yang diberi imbuhan pahala. Al-Quran disebarkan kepada seluruh manusia secara *mutawatir* yang dimulai dengan surah Al-Fatihah dan disudahi dengan surah An-Nas. Al-Quran juga mengajar nilai-nilai murni agar umat manusia mengamalkannya. An-Nawawi (1997) turut menyatakan bahawa al-Quran menjadi mukjizat terpenting bagi Nabi Muhammad S.A.W yang tidak pernah usang walaupun berlaku penolakan yang berterusan terhadap al-Quran dan berlakunya perubahan zaman.





Tujuan penerapan ilmu al-Quran ialah untuk mengajar manusia supaya menyerahkan diri kepada Allah S.W.T. Selaras dengan perkembangan pendidikan abad ke 21, pembelajaran al-Quran juga turut tidak ketinggalan iaitu pembelajaran al-Quran dan hafalan mampu menjadi motivasi ke arah merialisasikan minda generasi yang *hafiz*, *alim*, *dai'e* dan sekaligus melaksanakan matlamat Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN). Justeru itu, penjagaan al-Quran ini diperlihara melalui tiga keadah utama iaitu melalui *talaqqi* dan *musyafahah*, hafazan dan penulisan Al-Quran (Shahin, 1995). Menurut Ismail Masyhuri (1993), antara manfaat-manfaat lain yang dianugerahkan kepada penghafaz al-Quran ialah selalu diperlihara oleh Allah S.W.T menjadi umat Nabi Muhammad S.A.W yang terbaik, tidak bimbang pada hari pengakhiran dan doanya akan diangkat oleh Allah S.W.T. Selain itu, para *huffaz* merupakan golongan yang mulia di sisimanusia dan Allah S.W.T menjadi suatu kelebihan bagi mereka untuk melaksanakan tugas sebagai seorang imam di dalam solat dan pemimpin yang baik dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, para *huffaz* telah dipermudahkan urusan mereka oleh Allah untuk menghafaz al-Quran dan menjaga isi kandungannya agar tidak berlaku perubahan dan penyelewengan.

Selain itu, Allah S.W.T telah mengangkat darjat para *huffaz* di tempat yang tinggi serta di anugerahkan jawatan sebagai pemimpin kepada ahli-ahli syurga kelak. Salah satu kaedah untuk mendalami ilmu al-Quran ialah dengan menghafaznya. Manakala proses untuk menyimpan pengetahuan adalah daripada hafalan (Ab. Fatah, 1994). Orang yang ingin melakukan hafazan memerlukan kepada kekuatan minda fikiran yang baik. Sementara, untuk mengekalkan ingatan dan kecerdasan otak, cara yang paling baik





adalah melalui hafalan. Kerana dengan menghafaz sesuatu yang baru dipelajari akan menajamkan minda kita dan menjadikan otak kepada cergas. Pada zaman era globalisasi kini, generasi yang dikenali sebagai *huffaz*, pendakwah profesional, imam muda, pencetus ummah, dan *alim* lahir daripada proses pembelajaran al-Quran dan menghafaz al-Quran (Ab. Fatah, 1994).

Allah S.W.T mengangkat darjat bagi pemilik gelaran sebagai hafiz dan hafizah al-Quran di suatu tempat yang tinggi serta menjadi mulia di sisi masyarakat. Kemuliaan ini merupakan anugerah Allah S.W.T dan menjadi suatu amanah yang perlu dipikul dan dijaga oleh para *huffaz*. Selain itu, bagi seseorang yang telah menghafaz al-Quran akan menjadi tanggungjawab dan amanah untuk memelihara dan mengekalkannya supaya hafazan tersebut tidak luntur dari ingatan malah subur hingga ke akhir hayat kehidupan seseorang *huffaz* (Mohd Fazri, 1999: 26-27).

1.2 Latar Belakang Kajian

1.2.1 Latar Belakang Sejarah Hafazan al-Quran

Menurut As-Şhabuni (1996) Mukjizat atau *kalamullah* diturunkan oleh Allah S.W.T kepada Rasulullah S.A.W dari *Rabbul Izzah* melalui perantaraan Jibrail a.s Allah S.W.T telah menyifatkan Jibrail a.s sebagai penyampai wahyu kerana dia menyampaikannya





kepada Rasulullah S.A.W sebagaimana firman Allah S.W.T dalam surah *at-Takwir* 19-21:

إِنَّهُ لَقَوْلُ رَسُولٍ كَرِيمٍ ﴿١٩﴾ ذِي قُوَّةٍ عِنْدَ ذِي الْعَرْشِ مَكِينٍ ﴿٢٠﴾ مُطَاعٍ ثَمَّ أَمِينٍ ﴿٢١﴾

Maksud:” Sebenarnya *al-Quran* itu, sungguh-sungguh Kalamullah (yang disampaikan oleh Jibril) Utusan yang mulia, Yang kuat gagah, lagi berkedudukan tinggi di sisi Allah yang mempunyai Arasy, Yang ditaati di sana (dalam kalangan malaikat), lagi dipercayai.

(Surah *At-Takwir* 81: 19-21)



Semasa penurunan ayat *al-Quran* baginda bersungguh-sungguh untuk menghafazkannya dengan mengulang-ulang bacaan *al-Quran* bersama dengan bacaan Jibrail a.s. Rasulullah S.A.W melakukan sedemikian kerana baginda khuatir dan bimbang terhadap ayat *al-Quran* tersebut tidak dapat dihafazkannya dengan baik dan sempurna. Lalu Allah S.W.T menegur baginda Rasulullah S.A.W dengan memerintahkannya supaya diam dan mendengar bacaan Jibrail a.s dengan baik sebelum menghafazkan bacaan yang dibacakan oleh Jibrail a.s tersebut (Mohd Yusuf Ahmad, 2004). Allah telah menjamin akan menetapkan *al-Quran* di dalam dada Rasulullah S.A.W sebagaimana firman Allah SWT dalam surah *Thaha* 114:





فَتَعَلَىٰ اللَّهُ الْمَلِكُ الْحَقُّ وَلَا تَعْجَلْ بِالْقُرْآنِ مِنْ قَبْلِ أَنْ يُقْضَىٰ إِلَيْكَ وَحْيُهُ وَقُلْ رَبِّ زِدْنِي عِلْمًا ﴿١١٤﴾

Maksud:” Maka Maha Tinggilah Allah, yang Menguasai seluruh alam, lagi Yang Benar (pada segala-galanya). Dan janganlah engkau (wahai Muhammad) tergesa-gesa membaca al-Quran sebelum selesai dibacakan oleh Jibril kepadamu, dan berdoalah dengan berkata: "Wahai Tuhanku, tambahilah ilmuku".

(Surah Toha 20: 114)

Menurut (As-Shabuni, 1996) Rasulullah S.A.W berusaha menghafazkan al-Quran dan menzahirkannya agar baginda berjaya menghafaz seperti mana al-Quran diturunkan.

Baginda Rasulullah S.A.W menghafaz al-Quran pada setiap malam dengan membaca dan tadabbur al-Quran dalam solat seperti firman Allah S.W.T di dalam al-Quran pada surah al-Muzammil:

يَا أَيُّهَا الْمَزْمِلُ ﴿١﴾ فِيمَ الْإِلَإِ قَلِيلًا ﴿٢﴾ نَصَفَهُ أَوْ أَنْقَضَ مِنْهُ قَلِيلًا ﴿٣﴾ أَوْ زِدْ عَلَيْهِ وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلًا ﴿٤﴾

Maksud :” Wahai orang yang berselimut!. Bangunlah sembahyang Tahajjud pada waktu malam, selain dari sedikit masa (yang tak dapat tidak untuk berehat), Iaitu separuh dari waktu malam, atau kurangkan sedikit dari separuh itu, Ataupun lebihkan (sedikit) daripadanya; dan bacalah al-Quran dengan "Tartil".

(Surah al-Muzammil: 73: 1-4)





Menurut dalam Hadith riwayat Al-Bukhari (1400H) telah menyatakan bahawa Jibrail a.s telah bertemu dengan Rasulullah S.A.W pada setiap malam pada bulan Ramadhan untuk bertadarus membaca al-Quran. Ketika Jibrail a.s membaca al-Quran Rasulullah S.A.W akan mendengar dengan teliti bacaan tersebut dan begitulah sebaliknya. Al-Tirmizi (1988), pula menjelaskan bahawa Rasulullah S.A.W sentiasa membaca al-Quran samaada pada waktu malam ataupun ketika berada di atas unta.

Perkembangan hafazan al-Quran diteruskan oleh generasi para sahabat apabila mereka memelihara al-Quran dengan menghafaz dan menulisnya di dalam *mushaf* untuk menjaga kesucian dan ketulenan nas al-Quran. Para sahabat berlumba-lumba membaca, menghafaz al-Quran dan mereka juga mengajarkannya kepada para isteri dan anak-anak di rumah mereka (Syed Ahmad Tarmizi et al., 2003). Sebagai rangsangan dan galakan untuk para sahabat terus menghafaz al-Quran, Rasulullah S.A.W telah memuji para sahabat yang dapat membaca dan menghafaz al-Quran dengan baik seperti Abdullah bin Mas'ud (Abu Shahbah, 1992) dan Abu Musa al-Ash'ari (Al-Kandahlawi, 1993).

Penyebaran *mushaf* yang dilakukan oleh Saidina Uthman bin Affan ke bandar-bandar islam telah menyemarakkan lagi perkembangan hafazan dan pemeliharaan al-Quran dikalangan para *tabi'in*. Pengutusan tersebut diiringi dengan seorang *mualim* untuk membimbing dan sebagai rujukan kepada penduduk setempat untuk membaca dan menghafaz al-Quran dengan cara yang betul. Antara golongan *tabi'in* yang terkenal dalam pengajian al-Quran ialah Said bin al-Musayyib di Madinah, Ata' dan Mujahid di Makkah, Ammar bin Abd al-Qays di Basrah, Al-Qamah di Kufah dan al-Mughirah ibn





Shihab al-Makhzumi di Sham (Az Zarqani, 1988). Daripada golongan *tabi'in* ini lahirlah *qurra' sab'ah* yang amat masyhur dalam dunia Islam dan bacaan al-Quran (Abu Zar'ah, 2001).

1.2.2 Latar Belakang Hafazan al-Quran di Malaysia

Dengan tertubuhnya maahad-maahad tahfiz diseluruh Malaysia maka telah mengisyaratkan berlakunya perkembangan menghafaz al-Quran. Pusat tahfiz al-Quran atau dikenali dengan maahad tahfiz merupakan pusat pendidikan al-Quran yang diurus tadbir oleh Bahagian Hal Ehwal Agama Islam Jabatan Perdana Menteri Kuala Lumpur.



05- Idea penubuhan maahad tahfiz yang terawal ini ialah oleh Perdana Menteri Malaysia yang pertama ketika itu Tunku Abdul Rahman Putera al-Hajj pada tahun 1966. Maahad tahfiz pertama ini diberi nama Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat dan mula ia dibuka di Masjid Negara Kuala Lumpur. Seterusnya maahad tahfiz tersebut diletakkan di bawah cawangan Institut Dakwah dan Latihan Islam (INDAH) (Darul Quran, 2006).

Hasil daripada ujian tilawatul Quran yang pertama diadakan pada tahun 1960 diperingkat kebangsaan, maka timbul idea untuk menubuhkan maahad tahfiz ini. Hasrat penubuhan maaahad tahfiz ini dizahirkan oleh Tunku Abdul Rahman Putera al-Hajj sewaktu kehadiran Allahyarham Syiekh Mahmud Syalatut ke majlis perasmian Masjid Negara pada tahun 1965. Usaha penubuhan maahad tahfiz ini dilakukan bagi tujuan





untuk memastikan kelas pengajian al-Quran dan kursus menghafaz al-Quran yang dijalankan pada tahun 1966 diberi suntikan baru dan terus berkembang di Masjid Negara.

Permulaan pengajian ini bermula dengan lapan orang pelajar sebagai generasi yang pertama setelah mereka memenuhi syarat yang telah ditetapkan untuk mengikuti kelas pengajian di maahad tahfiz ini. Kelas pengajian yang pertama dijalankan pada tahun 1966 bertempat di Dewan Masjid Negara pada ketika itu. Bagi mereka yang mengikuti kelas pengajian tersebut antaranya dari Negeri Sembilan, Selangor, Pahang, Terengganu, Perak, Kedah dan Perlis. Mereka merupakan wakil-wakil daripada negeri masing-masing untuk menyertai kelas pengajian pada ketika itu. Antara tokoh Agamawan yang mengikuti kelas tersebut pada ketika itu ialah Ustaz Sallehudin Omar, Ustaz Ismail Mahmud, Ustaz Zainal Abidin Ahmad, Ustaz Muhsin Syiekh Ahmad, Datuk Abu Hassan Din Al-Hafiz dan lain-lain lagi.

Perkembangan yang baik telah ditunjukkan oleh maahad tahfiz ini sejak awal penubuhannya pada tahun 1966. Antara perkembangan yang ditunjukkan ialah dari sudut penambahan jumlah pelajar, teknik, kaedah pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, pengiktirafan kepada lulusan maahad turut diberikan. Antara perkembangan lain yang ditunjukkan ialah budaya membaca dan menghafaz al-Quran yang tidak luput dikalangan umat Islam. Selain itu, budaya mendalami dan mempelajari al-Quran sentiasa segar. Di samping itu juga, terdapat usaha sama dari pihak yang berwajib yang tidak jemu terus membantu ke arah membudayakan dan memberi suntikan agar pembacaan al-Quran sentiasa berpandukan *rasm Uthmani* berasaskan *rawi* Imam Hafis bin 'Asim.





Pada tahun 1966 pelajar maahad ini hanya mempunyai lapan orang penuntut sahaja. Kemudian perkembangannya berlaku dengan penambahan pelajar dari penyertaan negara jiran seperti Indonesia, Brunei dan Thailand. Pelajar maahad ini pada awal penubuhannya pada tahun 1960-an hanya bermula dengan 35 orang pelajar, kemudian berlaku penambahan pelajar pada tahun 1992. Penambahan pelajar ini sehingga mencecah seramai 119 orang pelajar termasuk 34 orang pelajar daripadanya adalah wanita. Menjelang pada tahun 2004, maahad tahfiz ini diberi nama baru iaitu Darul Quran. Pada waktu itu Darul Quran telah menerima pengambilan pelajar baru sehingga mencecah seramai 165 orang pelajar.



Selain itu, perkembangan ini turut berlaku di setiap Negeri, penubuhan maahad tahfiz di wujudkan di setiap negeri dengan menjadikan silibus tahfiz al-Quran (JAKIM) sebagai sukatan pelajaran tahfiz. Seterusnya sijil yang pertama dikeluarkan pada tahun 1983 diberi pengiktirafan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan menjadi setaraf dengan Diploma (ITM) sekarang dikenali dengan UITM. Selain itu, sijil (JAKIM) ini, turut diiktiraf oleh Universiti Awam dalam Negara (JAKIM, 2002). Pelajar lulusan Maahad Tahfiz (JAKIM) kebanyakannya menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana selepas menamatkan pengajian di Sarjana Muda hasil daripada pengiktirafan tersebut. Suasana melanjutkan pengajian ini bukan sahaja di dalam Negara malahan tersebar luas hingga ke luar Negara. Situasi ini secara tidak langsung telah merancakkan lagi perkembangan menghafaz al-Quran.





Hasil pengamatan umum terdapat banyak lulusan maahad tahfiz telah berkhidmat di dalam sektor awam dari pelbagai jawatan. Antara perkhidmatan yang di ceburi ialah dalam bidang pendidikan seperti pensyarah dan guru. Manakala dalam bidang yang lain seperti Imam Masjid Negeri dan tidak ketinggalan turut di sertai dalam badan unit beruniform seperti tentera dan polis. Dengan terbuktinya penglibatan lulusan dalam pelbagai sektor awam ini, maka golongan ini mampu memberi sumbangan yang tidak hanya tertumpu dalam bidang hafazan semata-mata malahan dalam apa jua bidang. Selain itu, para penghafaz al-Quran ini turut diluaskan skop bidang tugasnya dan tidak tertumpu kepada jawatan imam sahaja, malah turut terbukti diperlukan di dalam bidang dan sektor-sektor profesional yang lain.



1.2.3 Latar Belakang Pendidikan Islam di Negeri Perak

Perkembangan Pendidikan Islam di Negeri Perak seiring dengan perkembangan Pendidikan Islam di negeri-negeri lain. Pada awalnya pendidikan ini dijalankan di Istana, Masjid, rumah guru agama, rumah guru al-Quran dan rumah persendirian. Seterusnya untuk mendalami ilmu agama para pelajar akan pergi ke pondok pengajian di Pattani (Thailand), Kelantan, Terengganu, Kedah dan Pulau Pinang. Manakala di Negeri Perak pula, terdapat sebuah pondok yang telah ditubuhkan pada tahun 1918M di Gunung Semanggol, iaitu Pondok al-Rahmaniah. Pondok tersebut dipimpin oleh seorang ulama yang dikenali dengan gelaran Tuan Haji Abdul Rahman Mahmud. Seterusnya sebuah pondok lagi ditubuhkan pada tahun 1967M di Pengkalan Hulu Gerik Perak di bawah





pimpinan Tuan Guru Haji Abdul Latif bin Ab. Rahman dan dikenali sebagai Madrasah Addiniah Al-Latifiah atau lebih dikenali dengan Pondok Pak Teh. Pengisian di pondok-pondok ini berteraskan dengan pengajian kitab *turath* atau di kenali dengan kitab kuning.

Di samping itu, perkembangan dan sambutan yang menggalakkan dari masyarakat terhadap kepentingan ilmu agama, menyebabkan berlaku penambahan pondok-pondok baharu sehingga mencecah ke 12 atau 13 buah pondok telah dibuka. Salah satunya ialah Pondok Pendidikan Al-Barakah di Ipoh. Pondok-pondok ini merupakan pondok yang berkonsepkan ciri-ciri pondok moden. Walaubagaimanapun pengisian pondok-pondok moden ini masih mengekalkan pendidikan agama berteraskan kitab-kitab lama. Antara pengisian yang telah di programkan di pondok-pondok moden ini termasuk program tahfiz al-Quran. Program-program tahfiz Al-Quran dan kelas agama ini dibuka untuk pelajar dari kalangan pelajar remaja dan dewasa.

Di samping itu program ini turut disertai oleh golongan warga emas dan persara. Antara pondok-pondok yang telah berdaftar di Negeri Perak ialah Pondok Pengajian al-Aminin di daerah Tapah, Pondok Hidayatullah dan Kompleks Pendidikan Islam Manabi'ul Ulum di daerah Setiawan, Pusat Pendidikan al-Barakah, Pondok Darul Furqan di daerah Ipoh, Pusat Pengajian Umumi al-Hidayah di daerah Parit Buntar, Pondok Pengajian al-Ridhuan, Madrasah Tarbiyyah Nurul Ehsan dan Pengajian Pondok Jarak Jauh Badan Khidmat Masyarakat di daerah Kuala Kangsar, Pondok Pengajian Darul Mubarak di di daerah Parit, Pondok Riyadussolihin Sg. Bayor di daerah Selama, dan Madrasah Darul Ulum Wal Qiraat di daerah Pantai Remis.





Pada awal abad ke-20M, muncul sistem pendidikan madrasah. Madrasah pertama di Perak, Madrasah al-Idrisiah, mula beroperasi di Kuala Kangsar pada tahun 1922M, diikuti Madrasah Al-Arabiah di Padang Rengas (1930) madrasah ini bertukar nama menjadi Madrasah Yahyawiyah), Madrasah Al-Ehya al-Shariff di Gunung Semanggol (1934) dan Madrasah al-Falah (1942). Kewujudan madrasah-madrasah ini mempengaruhi penubuhan sekolah-sekolah agama rakyat (SAR) yang dibangunkan oleh masyarakat setempat. Tujuannya ialah untuk memberikan pendidikan agama dan al-Quran. Daripada peringkat rendah Sekolah Agama Rakyat (SAR) berkembang hingga ke peringkat menengah. Pada masa yang sama kerajaan negeri turut mendirikan SMAN Sekolah Izzudin Shah (1959), Sekolah Raja Perempuan Ta'ayah (1960) dan Sekolah Raja Dr. Nazrin Shah (2006). Manakala Kementerian Pendidikan pula mendirikan tiga buah SMKA iaitu SMKA Sultan Azlan Shah (1984), SMKA Slim River (1993) dan SMKA Kerian (1999). Selain itu 24 buah sekolah menengah agama rakyat telah mendapat bantuan Kerajaan Persekutuan menerusi skim Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK).

Peranan dan tanggungjawab Bahagian Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Negeri Perak kian terus berkembang seiring dengan arus perkembangan Pendidikan Islam di negeri Perak. Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK) dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan Negeri Perak untuk mempertingkatkan pendidikan dan sistem pendidikan khususnya terhadap sekolah-sekolah agama, pusat-pusat pendidikan dan maahad-maahad tahfiz agar membina generasi dan tamadun yang berilmu



pengetahuan, berakhlak mulia dan beriman kepada Allah SWT sebagaimana yang digarapkan dalam Falsafah Pendidikan Islam Negeri Perak.

Pada masa ini, Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Negeri Perak bertanggungjawab mengawal selia institusi-institusi pendidikan Islam yang meliputi SMAN, SMTDR, Maahad Tahfiz al-Quran Swasta, Pondok, SAR, SABK dan Sekolah Tadika Islam. Selain mengawal selia, memantau serta menaziri dan mendaftar institusi, agensi ini turut berperanan memajukan akademik, mengurus hal ehwal kemasukan dan kesejahteraan pelajar, merencana dan membantu pelaksanaan ko-kurikulum, penilaian dan peperiksaan, pengurusan data, perancangan pembangunan, multimedia, latihan guru dan staf sokongan, dan perhubungan awam (JAIPK, 2009).

1.2.4 Latar Belakang Hafazan al-Quran di Negeri Perak

Perkembangan pendidikan Tahfiz Al-Quran di Negeri Perak bermula dengan institusi dan pusat tahfiz Al-Quran yang ditubuhkan bagi memenuhi permintaan yang tinggi dalam kalangan masyarakat muslim. Maahad Tahfiz wal Qiraat yang pertama di negeri Perak dibuka pada tahun 1986M mengikut model yang dilaksanakan oleh Darul Quran JAKIM. Tempatnya telah beberapa kali berubah dan selepas 11 tahun beroperasi kini maahad itu ditempatkan di bangunan Institut Tadbiran Islam Perak (INTIM). Maahad Tahfiz wal Qiraat Negeri Perak ini menawarkan pengajian Diploma Tahfiz al-Quran Wal-Qiraat Darul Quran JAKIM. Selain Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Negeri Perak, bermula



tahun 2009M, Kerajaan Negeri Perak telah menyisipkan program pengajian tahfiz al-Quran dalam kurikulum kebangsaan yang dilaksanakan di SMAN. Seterusnya Kerajaan Negeri Perak mendirikan sekolah-sekolah menengah tahfiz di daerah-daerah yang dikenali sebagai Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR). Sehingga kini sebanyak lima buah SMTDR ditubuhkan dan beroperasi SMTDR Daerah Manjung, SMTDR Daerah Batang Padang, SMTDR Daerah Kerian, SMTDR Daerah Kuala Kangsar dan SMTDR Daerah Lenggong. Program pengajian tahfiz al-Quran disisipkan dalam kurikulum kebangsaan yang dilaksanakan di sekolah-sekolah tersebut.

Seiring dengan kerajaan negeri, NGO turut mengembangkan pendidikan tahfiz al-Quran di negeri Perak. Yayasan Pendidikan Tahfiz al-Quran Wal Qiraat ADDIN misalnya, telah menubuhkan Maahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat (MTQ) di Malim Nawar pada tahun 1993M. Yayasan ini giat menubuhkan cawangan cawangan MTQ di seluruh negeri Perak, dan dalam tempoh 22 tahun, Yayasan ini telah menubuhkan 16 buah MTQ. Selain Yayasan ADDIN, NGO seperti Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM) dan Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA), dan individu-individu, terutamanya anggota pergerakan tabligh, turut terlibat mendirikan maahad al-Quran atau sekolah tahfiz al-Quran. Bancian Jawatankuasa yang berakhir pada 9 Februari 2017 merekodkan sebanyak 85 maahad/sekolah tahfiz al-Quran swasta di seluruh negeri Perak (JAIPK, 2009).





1.2.5 Latar Belakang Hafazan al-Quran di Sekolah-Sekolah Menengah Agama Negeri Perak (SMAN)

Kurikulum pendidikan tahfiz al-Quran di sekolah-sekolah agama Negeri Perak di bawah naungan Kerajaan Negeri Perak di tadbir urus oleh Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Negeri Perak (JAIPK) bermula pada tahun 2009. Program pendidikan tahfiz ini telah diperkenalkan kepada tiga buahsekolah iaitu Sekolah Izzudin shah, Sekolah Raja Perempuan Ta'yah dan Sekolah Raja Dr. Nazrin Shah bermula pada tahun 2010.

Ketiga-tiga buah sekolah ini selain menggunakan kurikulum arus perdana seperti sekolah harian, mereka juga turut memperkenalkan kurikulum tahfiz kepada para pelajar. Kurikulum tahfiz ini mula di dilaksanakan di Sekolah-sekolah Menengah Agama Negeri Perak (SMAN) bermula pada tahun 2009 dengan menggunakan kurikulum tahfiz yang digubal oleh Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Perak.

Bermula dengan sukatan dari pelajar di tingkatan satu sukatan hafazan dari (Juz 1 hingga Juz 7), manakala pelajar tingkatan dua disambung dari (Juz 8 hingga 14) di ikuti pelajar di tingkatan tiga (Juz 15 hingga Juz 21), manakala pelajar di tingkatan empat akan meneruskan dari (Juz 22 hingga 30). Waktu pelaksanaan dibahagikan kepada tiga sesi iaitu sesi pertama pagi bermula jam 7.30 pagi dan sesi kedua jam 3.00 petang dan sesi ketiga jam 8.45 malam. Setiap pembahagian waktu pelaksanaan diperuntukkan satu jam pengajian atau pertemuan. Rujukan utama adalah al-Quran dan bahan pengajarannya adalah al-Quran. Manakala kaedah pengajarannya adalah kaedah *tasmi'*. Penilaian





dilakukan dengan dua jenis penilaian iaitu peperiksaan *syafawi* dan peperiksaan *tahriri* (JAIPK, 2009).

1.3 Pernyataan Masalah

Kajian mengenai amalan pembelajaran tahfiz al-Quran yang diamalkan oleh pelajar-pelajar di Sekolah-sekolah Menengah Agama Negeri Perak (SMAN). Maklumat-maklumat awal mengenai amalan pembelajaran tahfiz ini diperolehi dengan mendapatkan maklumat dari pihak yang berkaitan seperti Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK) selaku jabatan yang menguruskan Sekolah-sekolah Agama Kerajaan Negeri Perak (SMAN) dan dari Sekolah-sekolah yang berkenaan yang terdiri daripada Sekolah Izzudin Shah (SIS), Sekolah Raja Perempuan Ta'ayah (SERATA) dan Sekolah Menengah Raja Dr. Nazrin Shah (SARJANA).

Ketiga-tiga buah sekolah ini selain menggunakan kurikulum tahfiz, mereka juga menggunakan kurikulum arus perdana seperti sekolah harian yang lain. Kurikulum tahfiz ini mula dilaksanakan di Sekolah-sekolah Menengah Agama Negeri Perak (SMAN) bermula pada awal tahun 2009 dengan menggunakan kurikulum tahfiz yang digubal oleh Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK, 2009).





Menurut Abdul Hafiz et al. (2003), bahawa antara kaedah-kaedah yang berkesan dan mendapat keputusan yang tertinggi di dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran ialah kaedah menulis semula ayat hafazan dan kaedah *tasmi'*. Manakala Abdul Hafiz et al. (2005) dalam kajiannya menyatakan bahawa faktor amalan pengajaran dan pembelajaran tahfiz tidak tercapai kerana pelajar kurang diberi pendedahan untuk melaksanakan kaedah penulisan ayat hafazan dan memahami makna ayat di dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran.

Mohamad Marzuqi (2008) pula menyatakan dalam kajiannya, pelajar kurang mempraktikkan amalan *talaqqi*, penulisan ayat, pemahaman ayat, dan penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) ketika proses pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran.



Manakala menurut Mohamad Marzuqi (2008) menyatakan terdapat hubungan yang signifikan dalam pencapaian hafazan al-Quran terhadap proses pengajaran *tasmi'*, *talaqqi*, *talqin* dan *i'adah*.

Selain itu, Azmil Hashim, (2010) menyatakan antara punca kelemahan dalam pencapaian hafazan pelajar ialah pelajar mempunyai kekurangan dalam strategi pembelajaran tahfiz al-Quran. Di samping itu juga, didapati kemahiran ikhtisas perguruan yang ditawarkan dalam institusi pendidikan tidak banyak membantu dalam ikhtisas perguruan tahfiz serta masih tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna dan tersusun (Azmil Hashim et al., 2013).





Menurut Hidayah, R. (2012) dalam kajiannya” Pengaruh tingkat problematika terhadap keberhasilan menghafal al-Quran santri pondok pesantren al-Hikmah Tugurejo Tugu Semarang” mendapati tahap menghafal al-Quran di kalangan pelajar pondok pesantren al-Hikmah berada pada tahap yang tinggi dan keberkesanan menghafal al-Quran dari kalangan pelajar pondok pesantren al-Hikmah berada pada tahap yang rendah.

Hikmiah, N. (2015) dalam kajiannya “Motode Pembelajaran tahfiz al-Quran di Griya al-Quran Jalan Cisadane 36 Surabaya” menunjukkan bahawa dalam kajiannya mendapati sasaran satu juzuk dalam tempoh tiga bulan tidak dapat di capai oleh pelajar Griya al-Quran Jalan Cisadane 36 Surabaya. Berdasarkan hasil penelitian juga, turut mendapati masalah pembelajaran tahfiz al-Quran yang terdapat di Griya al-Quran ialah



05- berkaitan dengan permasalahan pelajar itu sendiri.



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Mohamad Marzuqi dan Azmil Hashim (2016) mendapati bahawa faktor-faktor latihan dan bimbingan menulis al-Quran mendapati min yang paling rendah, iaitu 2.84. Manakala faktor-faktor lain seperti faktor pengetahuan dan kemahiran hafazan, faktor pengurusan masa dan faktor tahap kesukaran soalan berada pada min yang sederhana.

Selaian itu, Mohamad Marzuqi dan Azmil Hashim (2017) dalam kajiannya “Pendekatan Pengajaran dalam Kalangan Pensyarah Tahfiz Al-Quran di Malaysia” mendapati tahap pengajaran pensyarah secara keseluruhannnya berada pada tahap yang sederhana. Bedasarkan dapatan temu bual pula menunjukkan terdapat perbezaan pandangan antara pensyarah dan majikan dalam aspek mempelbagaikan kaedah





mengajar. Selain itu, di dapati pensyarah yang mempunyai kelulusan akademik ijazah dan ke atas memberikan persepsi yang lebih tinggi berbanding yang sebaliknya. Kesimpulan dari kajian ini dapat di rumuskan bahawa pendekatan pengajaran pensyarah perlu mengikut kesesuaian dan kepelbagaian kebolehan pelajar untuk memastikan kelestarian pendidikan tahfiz al-Quran di Malaysia.

Berdasarkan daripada laporan pencapaian tahfiz tahunan menunjukkan pencapaian hafazan bagi ketiga-tiga buah sekolah ini tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Bilangan pelajar yang berjaya menghabiskan hafazan seperti yang telah ditetapkan masih berada ditahap yang rendah. Selain itu, latar belakang pendidikan guru tahfiz juga perlu diambil kira kerana masih terdapat guru tahfiz yang tidak mempunyai ikhtisas dalam bidang pendidikan tahfiz. Walaubagaimanapun, usaha mengatasi permasalahan ikhtisas ini sedang diusahakan oleh Bahagian Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK) untuk memastikan guru-guru tahfiz ini mempunyai ikhtisas dalam bidang tersebut demi memastikan kelangsungan dan perkembangan pendidikan tahfiz di Negeri Perak (JAIPK, 2014).

Oleh yang demikian, satu kajian terhadap amalan pembelajaran tahfiz al-Quran yang berkesan perlu dijalankan untuk mengetahui keadaan sebenar amalan pembelajaran tahfiz al-Quran yang telah diamalkan oleh pelajar- pelajar dari Sekolah-sekolah Agama Negeri Perak (SMAN) serta melihat keberkesanannya secara menyeluruh. Kajian terhadap amalan pembelajaran ini akan dapat memastikan supaya kekuatan perlaksanaan amalan tersebut dapat dimaksimakan. Manakala kelemahan dan kekurangan dalam





pelaksanaan akan dapat diperbaiki dengan sebaik mungkin. Pelaksanaan program tahfiz di Sekolah-sekolah Menengah Agama Negeri Perak telah memasuki tahun ke 9. Pencapaian pelajar pada masa ini masih berada pada tahap yang lemah kerana tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Perak (SMAN).

Kajian-kajian lepas juga menunjukkan beberapa faktor menyumbang kepada kelemahan seperti tenaga pengajar, faktor amalan pengajaran dan pembelajaran tahfiz sebagai antara punca kelemahan. Walaubagaimanapun kajian ini hanya memberi tumpuan kepada pelaksanaan amalan pembelajaran tahfiz al-Quran yang telah diamalkan di Sekolah-sekolah Agama Negeri Perak (SMAN). Justeru kajian yang terperinci terhadap amalan pembelajaran tahfiz al-Quran ini yang meliputi tahap amalan pembelajaran tahfiz al-Quran, tahap pencapaian hafazan, tahap pembelajaran tahfiz berdasarkan demografi pelajar, dan tahap pencapaian hafazan berdasarkan demografi. Maka penyelidik merasakan kajian ini amat wajar dijalankan dan merupakan satu keperluan dalam bidang pendidikan tahfiz al-Quran di Malaysia.

1.4 Objektif Kajian

Kajian yang dilaksanakan secara umumnya bertujuan untuk menilai amalan pembelajaran tahfiz al Quran di Sekolah-sekolah Menengah Agama Negeri Perak (SMAN) yang menggunakan kurikulum pendidikan tahfiz (JAIPK) yang digubal oleh Jabatan Agama





Islam Negeri Perak. Secara keseluruhannya, kajian ini bertujuan untuk menerokai Amalan Pembelajaran Tahfiz Al-Quran yang diamalkan oleh pelajar-pelajar di Sekolah-sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) di Negeri Perak. Secara khususnya, Objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengenalpasti amalan pembelajaran tahfiz al-Quran yang diamalkan oleh pelajar Sekolah-sekolah Menengah Agama Negeri Perak (SMAN).
2. Mengenalpasti tahap pencapaian hafazan pelajar dalam hafazan al-Quran.
3. Mengenalpasti perbezaan amalan pembelajaran tahfiz berdasarkan demografi pelajar.
4. Mengenalpasti perbezaan pencapaian hafazan pelajar berdasarkan demografi pelajar.
5. Mengenalpasti hubungan antara amalan pembelajaran tahfiz dengan pencapaian hafazan pelajar.



1.5 Soalan Kajian

Kajian yang dijalankan ini akan menjawab soalan-soalan kajian yang telah dibahagikan kepada beberapa bahagian utama berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan. Soalan-soalan kajian yang ingin dijawab oleh kajian ini adalah seperti berikut:





1. Apakah amalan pembelajaran tahfiz al-Quran yang diamalkan oleh pelajar-pelajar Sekolah-sekolah Menengah Agama Negeri Perak (SMAN)?
2. Apakah tahap pencapaian hafazan pelajar dalam hafazan al-Quran?
3. Adakah terdapat perbezaan amalan pembelajaran tahfiz berdasarkan demografi pelajar?
4. Adakah terdapat perbezaan pencapaian hafazan pelajar berdasarkan demografi pelajar?
5. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara amalan pembelajaran tahfiz dengan pencapaian hafazan pelajar?



1.6 Hipotesis Kajian



Bagi persoalan kajian satu dan dua, pengkaji menggunakan analisis deskriptif yang menggunakan skor min dan sisihan piawai. Manakala bagi persoalan kajian ketiga hingga kelima pengkaji menjalankan kajian inferensi berdasarkan hipotesis-hipotesis berikut:

1. Hipotesis untuk soalan kajian ketiga
 - Ho1: Tidak terdapat perbezaan amalan pembelajaran tahfiz, strategi, kaedah, teknik, aktiviti dan adab berdasarkan jantina.
 - Ho2: Tidak terdapat perbezaan amalan pembelajaran tahfiz, strategi, kaedah, teknik, aktiviti dan adab berdasarkan pekerjaan ibu bapa.
 - Ho3: Tidak terdapat perbezaan amalan pembelajaran tahfiz, strategi, kaedah, teknik, aktiviti dan adab berdasarkan pendapatan ibu bapa.





Ho4: Tidak terdapat perbezaan amalan pembelajaran tahfiz, strategi, kaedah, teknik, aktiviti dan adab berdasarkan kelayakan kemasukan tahfiz.

2. Hipotesis untuk soalan kajian keempat

Ho5: Tidak terdapat perbezaan pencapaian hafazan pelajar, kelancaran, tajwid dan kefahaman berdasarkan jantina.

Ho6: Tidak terdapat perbezaan pencapaian hafazan pelajar, kelancaran, tajwid dan kefahaman berdasarkan pekerjaan ibu bapa.

Ho7: Tidak terdapat perbezaan pencapaian hafazan pelajar, kelancaran, tajwid dan kefahaman berdasarkan pendapatan ibu bapa.

Ho8: Tidak terdapat perbezaan pencapaian hafazan pelajar, kelancaran, tajwid dan kefahaman berdasarkan kelayakan kemasukan tahfiz.



3. Hipotesis untuk soalan kajian kelima

Ho9: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara amalan pembelajaran tahfiz (Strategi, Kaedah, Teknik, Aktiviti dan Adab) dengan pencapaian hafazan pelajar (Kelancaran, Tajwid dan Kefahaman).





1.7 Kerangka Konseptual Kajian


Kajian ini merupakan kajian penilaian ke atas amalan pembelajaran tahfiz Al Quran di Sekolah-sekolah Menengah Agama Negeri Perak (SMAN). Amalan pembelajaran tahfiz yang menjadi fokus dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada teori yang telah diubahsuai oleh Azmil Hashim (2010) iaitu teori pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran yang diperkenalkan oleh al-Qabisi (1955). Al-Qabisi telah menyatakan bahawa antara matlamat utama pendidikan tahfiz ialah *ma'rifatuddin*. Iaitu mengenali dan mendalami agama serta membentuk akhlak dan sahsiah seseorang manusia. Al-Qabisi juga turut memperjelaskan beberapa objektif utama di dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran antaranya ialah memahami dan mengulang bacaan hafazan.




Manakala al-Qabisi (1955) juga menyatakan bahawa antara proses dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran ialah menggunakan kaedah *talqin*, *takrar*, *al-mail* dan *al-fahm*. Seterusnya teknik yang disarankan oleh al-Qabisi ialah menulis semula ayat yang dihafaz, memperdengarkan semula bacaan hafazan, membaca hafazan sambil melihat mushaf, dan menghafaz dengan menggunakan kaedah mendengar. Selain itu, beliau turut memperjelaskan bahawa terdapat beberapa teknik penilaian semasa proses pengajaran dan pembelajaran tahfiz dijalankan. Antara teknik tersebut ialah melalui penilaian hafazan secara harian, mingguan dan penilaian akhir.



Berdasarkan kepada teori kajian tahfiz al-Qabisi (1955) yang telah diubahsuai, penyelidik menggunakannya sebagai kerangka teori kajian. Daripada kerangka teori ini penyelidik membina kerangka konseptual kajian seperti dalam Rajah 1.1 yang bertepatan dengan objektif kajian yang secara umumnya mengenalpasti keberkesanan dan kelemahan dalam amalan pembelajaran tahfiz Al Quran di Sekolah-sekolah Menengah Agama Negeri Perak (SMAN).



Rajah 1.1. Kerangka Teori Kajian Tahfiz Al-Qabisi (1955) yang diubahsuai oleh Azmil Hashim (2010)



Rajah 1.2. Kerangka Konseptual Kajian yang telah di Ubahsuai daripada Model Pendidikan Tahfiz Azmil Hashim (2010)

1.8 Kepentingan Kajian

Secara keseluruhannya kepentingan kajian yang dijalankan ini akan memberi panduan kepada pihak Kerajaan Negeri Perak khususnya di dalam merealisasikan sebuah Negara *Rabbani* atau *baladun toiyyibatun* seperti yang terkandung di dalam al-Quran dan hadis. Kajian ini juga dapat membantu pihak kerajaan untuk memartabatkan Agama Islam melalui institusi tahfiz seperti yang telah dititahkan oleh Tuanku Sultan Perak Sultan



Nazrin Shah. Secara tidak langsung juga kajian ini dapat membantu pihak kerajaan dalam usaha melahirkan para *huffaz* peringkat negeri dan kebangsaan.

Selain itu, kajian ini juga memberi panduan kepada Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK) untuk penambahbaikan penyelarasan sistem pengajaran dan pembelajaran terhadap guru tahfiz. Kajian ini juga membantu Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK) untuk menghasilkan sebuah modul bersepadu yang berkesan untuk panduan Sekolah-sekolah Menengah Agama Negeri Perak (SMAN).

Di samping itu, kajian ini akan dapat membantu Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK) dalam penganjuran program peningkatan profesionalisme untuk guru-guru tahfiz dalam menghasilkan modul amalan pengajaran dan pembelajaran tahfiz yang berkesan. Kajian ini juga akan menilai bagaimana perlaksanaan amalan pembelajaran tahfiz al-Quran yang dilakukan oleh para pelajar dengan menilai beberapa aspek seperti strategi, kaedah, teknik, adab dan aktiviti. Kepentingan kajian ini juga untuk mengenalpasti kekuatan dan kekurangan yang berlaku dalam pelaksanaan amalan pembelajaran tahfiz al-Quran dari sudut perlaksanaan dan pengamalannya oleh pelajar.

Hasil penilaian ini akan menggambarkan Amalan Pembelajaran Tahfiz Al-Quran yang dilaksanakan oleh pelajar-pelajar di Sekolah-sekolah Menengah Agama Negeri ini samaada relevan dan bertepatan dengan matlamat dan objektif kurikulum tahfiz serta keperluan pendidikan tahfiz yang sebenar.





Hasil daripada kajian ini akan di jadikan panduan dan penambahbaikan daripada modul amalan pembelajaran sebelumnya. Kemudiannya penambahbaikan terhadap amalan pembelajaran tahfiz al-Quran yang berkesan akan di amalkan di Sekolah-sekolah Menengah Agama Negeri Perak (SMAN).

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada menilai amalan pembelajaran Tahfiz Al-Quran di Sekolah-sekolah Menengah Agama Negeri Perak (SMAN). Fokus kajian tidak melibatkan subjek-subjek *azahariah* yang lain seperti, Syariah, Usuluddin, Bahasa Arab dan sebagainya. Hal ini bukan bererti penyelidik tidak mengambil berat pengajian yang lain tetapi penyelidik memfokuskan kajian ini hanya kepada amalan pembelajaran tahfiz dan pencapaian hafazan sahaja.

Kajian ini hanya melibatkan pelajar-pelajar tahfiz ditingkatan empat di Sekolah-sekolah Menengah Agama Negeri Perak (SMAN) yang mengambil kurikulum akademik dan tahfiz al-Quran. Kajian ini tidak melibatkan guru-guru yang mengajar di Sekolah-sekolah Menengah Agama Negeri Perak (SMAN) dan kajian ini juga tidak melibatkan institusi tahfiz swasta yang lain.





Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk menilai amalan pembelajaran tahfiz al-Quran yang telah diamalkan di Sekolah-sekolah Menengah Agama Negeri Perak (SMAN) berdasarkan kepada teori pengajaran dan pembelajaran tahfiz yang telah diubahsuai dari oleh al-Qabisi (1955). Amalan pembelajaran tahfiz dinilai dari aspek strategi, kaedah, teknik, aktiviti dan adab. Manakala dari aspek pencapaian penilaian berdasarkan kelancaran hafazan, hukum-hukum tajwid dan kefahaman ayat.

1.10 Definisi Operasional Kajian

1.10.1 Amalan



Menurut (Esah, 2003) amalan adalah tindakan atau sesuatu perlakuan yang biasa dilakukan secara berulang kali sehingga menjadi suatu kebiasaan. Dalam definisi lain, amalan bagi kajian ini merujuk kepada tingkahlaku yang didefinisikan sebagai tindakbalas, perbuatan, persembahan atau prestasi yang ditunjukkan oleh individu dan boleh diukur.





1.10.2 Pembelajaran

Merujuk kepada perkataan “*pembelajaran*” adalah berasal daripada kata dasar iaitu “*belajar*”. Definisi bagi belajar ialah proses perubahan oleh seseorang daripada tidak tahu kepada proses mengetahui. Oleh itu, pengertian bagi “*pembelajaran*” ialah suatu proses untuk mendapatkan maklumat dan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan tabiat. Menurut (Ab. Halim Tamuri, 2006) seseorang manusia sepanjang khidupannya pasti akan berlaku proses pembelajaran dalam hidupnya. Proses pembelajaran ini akan berlaku di mana-mana sahaja tanpa mengira tempat, waktu dan masa. Dalam aspek pendidikan pula seorang guru pasti akan berusaha untuk menyampaikan sesuatu ilmu pengetahuan agar pelajarnya memahami dan mampu menguasai isi pelajaran tersebut. Selain itu, guru akan memastikan penyampaian ilmu tersebut tercapai maksud dan objektifnya. Oleh itu, proses pembelajaran yang berlaku pasti akan membawa kepada perubahan seseorang manusia.

Walaupun pembelajaran tidak boleh dianggap kepada perubahan semulajadi seperti perbuatan berjalan, makan dan minum. Manakala, menurut Kamus Dewan pembelajaran adalah sesuatu proses belajar untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Manakala menurut ahli kognitif pula sesuatu perubahan yang melibatkan tingkahlaku kekal dianggap sebagai pembelajaran. Di samping itu, aliran behavioris pula berpandangan bahawa perubahan dalam tingkahlaku adalah dianggap sebagai pembelajaran (Ab. Halim Tamuri, 2006). Oleh itu, pembelajaran dalam kajian ini membawa maksud proses dan tingkah laku pelajar sewaktu menghafaz al-Quran.





1.10.3 Amalan Pembelajaran

Amalan pembelajaran dalam kajian ini merujuk kepada amalan pembelajaran pelajar ketika proses menghafaz al-Quran. Justeru, amalan pembelajaran dalam kajian ini ialah merujuk kepada kelaziman perlakuan atau tindakan yang sering diamalkan oleh pelajar sewaktu proses penghafalan surah atau ayat dari al-Quran. Perlakuan ini mempunyai dua konstruk utama iaitu amalan semasa proses menghafal dan amalan setelah menghafal beberapa ayat atau surah hafazan (Ab. Halim Tamuri et al., 2006).

1.10.4 Tahfiz Al-Quran



Maksud Tahfiz al-Quran Menurut Ahmad Warson Al-Munawwir, perkataan tahfiz berasal dari kata dasar *hifzu*. Dalam bahasa Arab yang bermaksud penjagaan, perlindungan, pemeliharaan, hafalan. Menurut (Ahmad Warson Al-Munawwir, 2002:279) dalam konteks menghafal ayat suci al-Quran, al-Quran secara etimologinya ialah perkataan al-Quran berasal dari perkataan *qara'a-qira'atan-qur'anan*. *Qar'aa* bermaksud menghimpunkan satu huruf *hijaiyyah* untuk menjadi perkataan ketika membaca. Manakala al-Quran seperti dengan *Al-Qira'ah*. Walaupun al-Quran dari perkataan kata dasar atau *masdar* dalam bacaan, namun yang dimaksud dengannya adalah menggunakan *wazan maf'ul* atau yang dibaca (*AlMaqra'*). (Manna' Khalil Al-Qaththan, 1973:20). Merujuk kepada penjelasan ini maka yang dimaksudkan dengan





pembelajaran Tahfiz al-Quran ialah menghafal beberapa dari ayat Al-Qur'an serta bersesuaian dengan kaedahnya.

1.10.5 Sekolah-Sekolah Menengah Agama Negeri Perak (SMAN)

Sekolah-Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) adalah melibatkan tiga buah sekolah menengah agama yang berstatus asrama penuh di bawah naungan Kerajaan Negeri Perak dan diselia oleh Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Negeri Perak (JAIPK). Sekolah-sekolah ini menggunakan kurikulum arus perdana (akademik) serta kurikulum azahariah seperti Tafsir, Hadis, Fekah, Tauhid dan lain-lain lagi. Dalam masa yang sama sekolah-sekolah ini memperkenalkan kurikulum tahfiz kepada beberapa buah kelas tertentu berdasarkan kelayakan dan kemampuan pelajar. Pelajar akan diuji dalam temuduga untuk melayakkan mereka ke kurikulum tahfiz dan akademik secara serentak. Kurikulum tahfiz telah menetapkan sebanyak tujuh juzuk bagi setiap tingkatan hingga ke tingkatan lima. Sekolah-sekolah tersebut ialah Sekolah Izzudin Shah, Sekolah Menengah Raja Perempuan Ta'ayah dan Sekolah Menengah Raja Dr. Nazrin Shah.





1.11 Penutup

Memartabatkan sistem pendidikan tahfiz merupakan suatu usaha murni dalam merealisasikan hasrat untuk melahirkan para *huffaz* yang profesional dalam bidang seperti sains, teknologi mahupun kemahiran industri. Oleh itu, perancangan pendidikan tahfiz yang sistematik perlu diwujudkan bagi memastikan kelancarannya. Selain itu, pendidikan tahfiz juga memerlukan kepada suatu indikator untuk memastikan amalan pembelajaran tahfiz ini tersusun serta menjadi asas kepada kejayaannya. Amalan pembelajaran tahfiz yang berkesan merupakan salah satu komponen yang penting demi memastikan perjalanan kurikulum tahfiz ini memenuhi keperluan matlamat dan objektif pendidikan tahfiz. Pelaksanaan amalan pembelajaran tahfiz yang baik akan menghasilkan kecemerlangan di dalam sesebuah sistem pendidikan sekaligus memberi impak yang besar terhadap pembangunan masyarakat dan negara. Pelaksanaan yang tidak sempurna turut mengundang kegagalan di dalam sistem pendidikan.

Oleh yang demikian, bab pertama ini telah menjelaskan beberapa perkara asas yang merangkumi latar belakang kajian berkaitan pendidikan tahfiz di Malaysia dan Negeri Perak secara umumnya serta pelaksanaan pendidikan tahfiz di peringkat Sekolah-sekolah Menengah Agama Negeri khususnya. Oleh itu, satu kajian berkaitan amalan pembelajaran tahfiz al-Quran di Sekolah-Sekolah Menengah Agama Negeri Perak (SMAN) perlu dijalankan berdasarkan kepada situasi yang telah dinyatakan di dalam pernyataan masalah kajian ini. Seterusnya penyelidik telah mengadaptasikan kerangka konseptual kajian yang telah diubahsuai dari kerangka konseptual al-Qabisi (1955) untuk





digunakan di dalam kajian ini. Selain itu, kepentingan kajian, batasan kajian serta definisi-definisi istilah yang digunakan turut dibincangkan dalam bab ini.

